

BIBLIOGRAPHIC INFORMATION

Title	Agenda Pembangunan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera (MPPB): Pencapaian 22 Tahun Pemerintahan Mahathir Dalam Melahirkan Usahawan Melayu
Source	http://phuakl.tripod.com/pssm/conference/day324.doc
Author 1	Ishak Hj Abd Rahman
Author 2	Jumaat Abd Moen
Author 3	Aniza Che Wel
Publication/Conference	4th International Malaysian Studies Conference; 3-5 August 2004, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
Edition	NA
Document Type	Article
CPI Primary Subject	NEP
CPI Secondary Subject	NEP; NDP ; Mahathir Mohamad;
Geographic Terms	Malaysia;
Abstract	This paper attempts to evaluate the achievement of Tun Dr Mahathir Mohamad during his 22 years in office as the Prime Minister of Malaysia, with reference to the development of Bumiputera. Article written in Malay.

Centre for Policy Initiatives (CPI)

Pusat Inisiatif Polisi

政策倡议中心

<http://www.cpiasia.org>

**AGENDA PEMBANGUNAN MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN
PERINDUSTRIAN BUMIPUTERA (MPPB): PENCAPAIAN 22 TAHUN
PEMERINTAHAN MAHATHIR DALAM MELAHIRKAN USAHAWAN
MELAYU**

Ishak Hj Abd Rahman

Jumaat Abd Moen

Aniza Che Wel

Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi 43600 Selangor.

haq@pkrisc.cc.ukm.my

Keprihatinan Tun Mahathir berhubung pembabitan masyarakat Bumiputra amnya dan orang Melayu khususnya dalam bidang perdagangan dan perindustrian dapat dilihat berdasarkan pemikirannya yang telah diterjemahkan dalam penulisannya dalam buku Malay Dilema. Karyanya yang ditulis sebelum beliau menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia memperlihatkan kebimbangan dan keprihatinan terhadap nasib orang-orang Melayu khususnya dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Selepas menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1981 beliau telah memperkenalkan beberapa pendekatan yang dilihat mampu untuk melonjakkan pembabitan aktif orang Melayu dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Dasar beliau yang telah diperkenalkan oleh beliau seperti dasar pengswastaan, dasar perindustrian negara, dasar Persyarikatan Malaysia dan beberapa dasar lagi telah mendapat kritikan hebat samada dari golongan teknokrat, pemerhati politik serta ahli akademik. Golongan bukan Melayu yang suatu ketika menganggap beliau sebagai Ultra Melayu telah mengambil pendekatan yang agak berhati-hati, takut sekiranya Mahathir mengambil tindakan yang drastik yang akan merugikan kepentingan ekonomi mereka. Namun setelah memerintah negara selama hampir 22 tahun beliau telah berjaya menjulang nama Malaysia sebagai sebuah negara “New Industrial Countries” yang berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan. Dasar-dasar ekonomi yang telah diperkenalkan oleh beliau yang sebelum ini dianggap sebagai Pro Melayu tidak sedikit pun menghakis kedudukan ekonomi bukan Melayu. Namun persoalan yang ingin dikupas dalam kertas kerja ini adakah pencapaian yang telah dinikmati oleh negara selama ini atas kebijaksanaan Dr Mahathir semata-mata atau beliau telah mewarisi pusaka berkualiti yang telah diusahakan oleh Allahyarham ketiga-ketiga Perdana Menteri terdahulu.

Pengenalan

Isu berhubung penglibatan masyarakat Bumiputera dalam pembangunan negara telah mula mendapat perhatian kerajaan yang memerintah sejak negara mula mencapai kemerdekaan. Dasar Inggeris sebelum merdeka ternyata telah menyebabkan masyarakat Bumiputera telah jauh ketinggalan dalam pelbagai bidang berbanding dengan pencapaian kaum-kaum yang lain. Menyedari hakikat bahawa perpaduan negara hanya boleh dicapai melalui pengagihan kekayaan yang adil dan samarata agenda pembangunan ekonomi masyarakat Bumiputera telah mula diberikan perhatian dalam rancangan pembangunan ekonomi negara. Keprihatinan kerajaan ini bermula dari era pemerintahan Tengku Abd Rahman sehingga kepada kerajaan yang memerintah sekarang. Menginsafi bahawa corak pengagihan pendapatan dan kekayaan yang tidak seimbang akan mengancam perpaduan negara sepertimana yang diperlihatkan dalam tragedi 13 Mei 1969 kerajaan telah menggubal Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1970-1990) yang menjurus kepada pencapaian matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Walaupun dasar ini tidak menyatakan secara khusus bilangan usahawan yang ingin dihasilkan namun pernyataan umum untuk melihat penguasaan 30 % pemilikan ekuiti ekonomi negara adalah merupakan satu iltizam kerajaan untuk melihat pembabitan aktif kaum Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Namun begitu sehingga berakhirnya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990 kaum Bumiputera hanya berupaya untuk menguasai sekitar 20.1% kekayaan ekonomi negara. Antara alasan yang dikemukakan bagi menjelaskan kenapa matlamat ini gagal dicapai ialah kerana kemelesetan yang melanda ekonomi negara pada pertengahan tahun 1980. DEB dilaksanakan selama 20 tahun sehingga 1990 dan disusuli pula dengan Dasar Pembangunan Nasional yang dilihat sebagai langkah pertama kearah Wawasan 2020 iaitu meletakkan Malaysia dalam golongan negara maju . Selepas berakhirnya era DEB kerajaan kemudiannya telah melancarkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dianggap sebagai kesinambungan DEB. Sekali lagi kerajaan telah merangka satu program khusus untuk menambahkan bilangan penglibatan Bumiputera dalam sektor perdagangan melalui pembentukan pelan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Selepas hampir 7 tahun DPN dilaksanakan negara sekali telah menghadapi masalah kegawatan ekonomi. Walaupun tidak ada perangkaan rasmi yang menunjukkan kesan kegawatan ekonomi terhadap bilangan usahawan Bumiputera yang terpaksa menggulung perniagaan mereka, maklumat yang telah dikemukakan dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara telah menunjukkan bahawa pegangan ekuiti Bumiputera dalam pasaran BSKL telah mengalami penurunan. Nilai pasaran ekuiti pegangan Bumiputera telah berkurangan sebanyak 54 peratus berbanding dengan bukan Bumiputera sebanyak 54 peratus dan warga asing sebanyak 47 peratus. Kejatuhan harga saham syarikat yang dikuasai oleh Bumiputera dianggarkan sebanyak 55 peratus dan syarikat yang dikuasai oleh bukan Bumiputera sebanyak 52 peratus dan syarikat yang dikuasai oleh warga asing sebanyak 36 peratus. Kesan dari kejatuhan dalam pasaran saham

telah menyebabkan keseluruhan pegangan ekuiti Bumiputera dalam syarikat yang tersenarai (tidak termasuk pegangan kerajaan telah berkurangan daripada 29 peratus pada Jun 1997 kepada 27 peratus pada Februari 1997. Berdasarkan kepada potensi pertumbuhan yang dijangka agak perlahan, adalah dijangkakan pemilikan ekuiti Bumiputera pada nilai par dalam keseluruhan sektor korporat pada tahun 1988 akan kekal pada tahap yang dicapai pada tahun 1995, iaitu 20.5 peratus.

Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Dasar Ekonomi Baru adalah bentuk perancangan yang dilancarkan oleh kerajaan dalam tahun 1970 melalui Rancangan Malaysia Kedua yang bertujuan untuk membetulkan ketidakseimbangan sosio-ekonomi yang wujud di negara ini. Matlamat utamanya ialah bagi mewujudkan perpaduan negara. Menyedari hakikat bahawa matlamat untuk mewujudkan sebuah negara yang mempunyai rakyat yang bersatu-padu, hanya boleh di capai sekiranya penduduknya menikmati pengagihan ekonomi yang seimbang, DEB telah dirancang dengan mengambil kira kemiskinan serta ketidakupayaan sesetengah kaum untuk bersaing dengan kaum yang lain. Di samping itu DEB yang digubal juga mengambilkira keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum. Permasalahan kemiskinan dengan sendirinya telah menimbulkan ketegangan antara golongan yang berharta dan yang tidak berharta. Sewaktu tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 masalah kemiskinan di Malaysia sebenarnya bukan sahaja masalah yang berlaku kepada orang Melayu sahaja tetapi juga kepada kaum-kaum yang lain. Tetapi yang lebih memburukkan keadaan ialah masalah kemiskinan orang Melayu adalah yang lebih banyak berlaku berbanding dengan kaum-kaum yang lain. Walaupun Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang baik tetapi yang jelas ialah orang Melayu masih jauh ketinggalan dan kurang mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain. DEB dirancang sebagai program jangka panjang yang akan berjalan selama 20 tahun dan ianya bermula dari tahun 1970-1990. Rancangan-rancangan pembangunan di bawah Dasar Ekonomi Baru adalah dijalankan menerusi strategi serampang dua mata:-

- a) Pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum;
- b) Penyusunan semula masyarakat untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Bagi memastikan matlamat yang kedua dalam DEB tercapai, kerajaan telah cuba memperbaiki keadaan ekonomi dan pada masa yang sama menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi. Berasaskan kepada ketidaseimbangan antara kaum di antara kaum kerajaan telah melancarkan beberapa program seperti perindustrian dan perdagangan, pertanian, perlombongan, pembinaan, pengangkutan dan pertanian. Bagi menjayakan matlamat yang kedua dalam DEB beberapa strategi telah dirancang antaranya:

- (i) Meningkatkan daya pengeluaran dan taraf kehidupan golongan miskin di luar bandar.

- (ii) Mengurangkan keadaan yang tidak seimbang dalam struktur gunatenaga supaya penyertaan pelbagai kaum dalam sektor-sektor utama akan mencerminkan kedudukan tenaga buruh mengikut komposisi kaum menjelang tahun 1990
- (iii) Menambah dengan cepat bahagian rakyat Malaysia dalam pemilikan sektor produktif. Perhatian khusus akan ditumpukan kepada kaum Bumiputera yang agak ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain.
- (iv) Mempastikan pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian dikalangan orang Melayu dan kaum Bumiputera supaya kaum Bumiputera dapat menguruskan dan memiliki sekurang-kurangnya 30 % dari semua jenis peringkat kegiatan ekonomi.

Pelaksanaan DPN

Selaras dengan matlamat untuk meneruskan agenda perpaduan dan pembangunan negara, kerajaan telah melancarkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) sebagai penerus kepada Dasar Ekonomi Baru yang telah berakhir pada tahun 1990. DPN disamping mengekalkan ciri-ciri utama DEB, turut memperkenalkan beberapa dimensi yang lebih menekankan pembasmian kemiskinan golongan termiskin, pengurangan kemiskinan relatif, peningkatan gunatenaga Bumiputera dalam bidang-bidang profesional dan pengurusan korporat serta peningkatan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang lebih aktif. Berbeza dengan strategi DEB yang hanya menekankan matlamat untuk memastikan penguasaan Bumiputera dalam pemilikan kekayaan negara DPN mempunyai falsafah yang agak berbeza tetapi masih mengekalkan matlamat yang sama.

Agenda Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.

Bagi merealisasikan matlamat untuk membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) beberapa program telah dilaksanakan untuk menjadi asas bagi mencapai objektif DPN untuk mewujudkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdayasaing dan berdaya tahan dalam sektor ekonomi yang strategik. Bagi tujuan ini program tersebut telah menetapkan syarat yang ketat bagi menyertai program pembangunan MPPB dan memberi penekanan kepada kualiti usahawan Bumiputera yang akan dipupuk dan tidak hanya menambah bilangan mereka semata-mata. Selaras dengan resolusi yang terkandung dalam Kongres Ekonomi Bumiputera Ke III yang telah diadakan pada 1992, beberapa strategi telah diketengahkan untuk mempercepatkan pencapaian matlamat MPPB.

Sikap Mahathir terhadap bidang keusahawanan/perniagaan

Sikap,minat serta kecenderungan beliau terhadap aktiviti keusahawanan dan perniagaan bermula sejak kecil lagi.Bagi Mahathir ,Pemerintahan Jepun telah

memberi manfaat kepadanya. Beliau enggan bekerja dengan Jepun dan memulakan sebuah gerai menjual pisang di Pekan Rabu di Alor Star dimana beliau menjual pisang yang baru masak dan yang telah digoreng dan menghidangkan di kedai kopi yang berhampiran dengannya. Disamping itu beliau turut menjual belon untuk wang sakunya. Kesan dari peperangan telah mengendalakan pelajarannya dan membuka ruang kepada beliau untuk memulakan perniagaan berupa sebuah kedai kopi. Seterusnya, beliau dan rakan-rakannya telah menubuhkan gerai untuk menjual buah-buahan dan hasil kraftangan di Pekan Rabu dan beliau sendiri telah dilantik menjadi pengurus. Daripada pengalaman berniaga sesama Mahathir Pak Jo (rakan perniagaannya) memerhatikan bahawa Mahathir adalah peniaga yang bersifat berani. Walaupun dalam usia yang masih muda Mahathir telah mengalami dan memberikan perhatiannya terhadap kesulitan yang dihadapi oleh pengusaha Melayu dan sering memberi pandangannya untuk mengatasi kesulitan tersebut (J. Victor Morris 1992)

Sikap keprihatinannya terhadap hidup rakyat desa yang rata-ratanya adalah orang Melayu sering diperlihatkan dalam tulisannya di akhbar The Straits Time dan The Sunday Times. Semasa menjadi pelajar lagi Mahathir sudah memperolehi nama sebagai pejuang bangsa Melayu yang beliau anggap sebagai puak kalah dibidang ekonomi. Seperti yang ditulis oleh Zakry Abadi (1992) dalam bukunya Mahathir Dalam Dilemma Melayu wujud suatu corak reformasi dan tranformasi dalam perjuangan beliau dan dalam period awal (1969-1976) dimana perjuangan beliau terarah untuk membasmi kemiskinan dikalangan orang Melayu miskin. Selain berjuang dengan mata pena dalam usaha membangkitkan kesedaran orang Melayu tentang nasib ekonomi dan kebolehan yang dimiliki oleh mereka yang tidak digemblengkan dengan sepenuhnya beliau turut aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan contohnya dalam Dewan Perniagaan Melayu Kedah. Sesuai dengan minatnya dalam bidang perniagaan beliau kemudiannya telah meletak jawatan untuk bekerja sendiri. Disamping mempunyai sebuah klinik beliau juga terlibat dalam perniagaan perumahan serta turut melabur dalam perniagaan bijih timah. Pencapaian cemerlang orang Melayu terdahulu khususnya di Zaman Kesultanan Melayu Melaka menjadi inspirasi beliau. Beliau cuba menolak pendekatan dan falsafah Tengku “Biar China berniaga dan biar Melayu berpolitik dan biar mati anak dan jangan mati adat. Beliau juga menampakkan kegelisahan dan penentangan terhadap sikap ‘tidak apa’ dan ‘tolak ansur’ Tengku secara berlebihan yang membahayakan masa depan orang Melayu (Zainuddin Maidin 1994)

Sikap Awal Mahathir Terhadap Orang Melayu

Tun Mahathir mengambil-alih tampok pemerintahan negara selepas pengunduran diri Tun Hussain Onn. iaitu pada 16 Julai 1981. Walaupun hanya dilantik menjadi menteri Kabinet semasa pentadbiran Tun Razak iaitu ketika usianya 49 tahun dan keahliannya dalam UMNO telah menjangkau hampir 30 tahun namun keprihatinan beliau terhadap nasib, budaya, nilai masyarakat dan cabaran yang

dihadapi orang Melayu bermula dizaman remajanya. Keprihatinan beliau terhadap nasib orang Melayu dapat digambarkan dalam tulisan-tulisan awalnya didalam akhbar The Straits Time dan The Sunday Times. (Dr Zahidi 2003) telah mengategorikan penulisannya kepada 3 kategori iaitu

- Pemerhatian berkenaan adat dan kehidupan sosial orang Melayu
- Perbincangan masalah orang Melayu
- Tulisan berkenaan politik

Analisis beliau berhubung dengan hal-hal negatif orang Melayu digambarkan secara terperinci dan dimuatkan dalam buku The Malay Dilemma. Beliau percaya budaya merupakan antara sebab mengapa orang Melayu mundur berbanding dengan bangsa lain.(Sivamurugan 2004) Kesempatan hidup dibawah pemerintahan penjajah Inggeris, Jepun dan kemudiannya Inggeris memberikan kesedaran politik hingga membawa kepada pembabitan beliau dalam penubuhan Kesatuan Pemuda Melayu Kedah yang pertama dan kemudiannya Kesatuan Melayu Kedah ,sebuah parti politik yang berkembang menjadi Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Sikap konsisten beliau berhubung dengan pencapaian orang Melayu berterusan tanpa perhentian. Walaupun beliau berjaya menjadi seorang profesional Melayu yang berjaya, minat beliau terhadap politik yang dianggap sebagai alat utama membangunkan orang Melayu tidak pernah luntur. Kekalahan beliau dalam pilihanraya pada tahun 1969 , dan gesaan beliau supaya Tengku Abd Rahman meletakkan jawatan atas kegagalan membendung rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 hingga membawa penyingkiran dari UMNO mengerhanakan sedikit karier politik. Beliau menganggap bahawa suatu dasar perkauman yang saksama adalah sangat penting dalam sebuah negara yang mempunyai bebrapa kumpulan etnik yang berbeza yang tidak menikmati taraf kemakmuran ekonomi yang sama. (Mahathir 1999). Ini bermakna kepimpinan politik Umno perlu mengambil pendirian yang lebih tegas tentang nasib dan penghidupan orang Melayu. Dasar yang lebih mengutamakan kepentingan dan hak orang Melayu perlu dilaksanakan. Kepimpinan Melayu perlu bertukar.

Sikap dan penentangan terbuka beliau terhadap kepimpinan tinggi UMNO mencerminkan sikap kritikal beliau terhadap ketidakupayaan kepimpinan UMNO dalam memperbaiki nasib orang Melayu. Sikap dan tindakan yang bertentangan dengan nilai dan budaya Melayu ini mencerminkan keberanian dan pendirian beliau terhadap nilai tradisi yang selama ini diamalkan oleh orang Melayu iatu takut mengkritik kelemahan pemimpin. Suatu pegangan yang pada pendapatnya telah menghalang kemajuan orang Melayu.Berdasarkan situasi ini beliau bukan sahaja melafazkan melalui kata-kata tetapi melaksanakan apa yang dikatakan.

Sikap Mahathir Terhadap Orang Melayu Selepas memegang Jawatan

Walaupun selepas diambil kembali sebagai anggota parti dan dilantik sebagai senator pada tahun 1972 dan diberi jawatan kabinet pada tahun 1974, Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1976 dan Perdana Menteri pada tahun 1981

keprihatinan dan perhatian berat masih lagi diberikan kepada nasib orang Melayu. Keprihatinan berhubung pencapaian orang Melayu khususnya selepas pelaksanaan DEB masih diberi perhatian sepertimana yang digambarkan dalam buku *The Challenge* yang diterbitkan dan ditulis oleh beliau dalam pada tahun 1976. Dalam buku *The Challenge* beliau cuba mengenetengahkan apa yang akan dihadapi oleh orang Melayu jika tidak wujud sikap mengadapatasi sikap dan tindakan kepada kehendak semasa termasuklah interpretasi yang berlainan keatas kehendak sebenar agama berkaitan dengan nilai,etika dan sikap yang akan menyebabkan masyarakat Melayu terus berada dalam keadaan mundur. Fasa pertama dalam tindakannya bermula dalam bidang pelajaran. Sesuai dengan potfolionya sebagai Menteri Pelajaran beliau telah melaksanakan beberapa tindakan drastik. Menyedari hakikat bahawa pendidikan adalah senjata penting yang berupaya memecahkan rantai ganas kemiskinan beliau telah melaksanakan beberapa pendekatan tegas dalam memastikan orang Melayu dapat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bagi membolehkan mereka mampu untuk bersaing dengan orang bukan Melayu. Pendirian beliau berhubung dengan pendidikan telah disuarakan oleh beliau sebelum beliau memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan *Sunday Times* (1949). Beliau berperpendapat sesuai dengan Perlembagaan Negara, orang Melayu perlu diberi tiga perempat daripada tawaran biasiswa kerajaan. Apa yang menarik adalah kesungguhan beliau untuk meningkatkan taraf pendidikan orang Melayu. Beliau menganggap bahawa biasiswa perlu diberikan bukan semata-mata untuk memenuhi hak istimewa bangsa Melayu tetapi juga berdasarkan kepada faktor ekonomi untuk mereka yang tidak berkemampuan. Beliau mengkritik bahawa jika biasiswa diberikan kepada semua kaum, Universiti Malaya hanya akan beroperasi tanpa satu pun bangsa Melayu .Beliau juga berharap agar semua kaum dapat dapat belajar bersama, kepentingan kerjasama antara kaum dan mengacu prinsip baru untuk negara. (Sivamurugan 2004)

Semasa memegang jawatan sebagai Menteri Pelajaran,perhatiannya ditumpukan pada masalah yang terdapat disekolah-sekolah rendah luar Bandar. Perhatian turut diberikan untuk mengatasi keciciran pelajar dan masalah kekurangan guru serta memperkenalkan skim pinjaman buku teks. Dizaman Tun Razak beliau bukan sekadar berbicara tentang isu pelajaran tetapi turut memperlihatkan dirinya sebagai seorang yang berjuang untuk menanam kesedaran pada bangsanya.

Dr Mahathir menjelaskan pada mas itu 60 % ekonomi negara adalah dikuasai oleh pemodal asing, 35 % ditangan bukan Bumiputera sementara hanya 5 % sahaja ditangan Bumiputera

Dalam hal ini Bumiputera terpaksa berusaha untuk mencari 25 % lagi untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru ,sementara bukan Bumiputera hanya 5 %. Beliau menerangkan ,jika tidak dijalankan usaha yang bersungguh-sungguh terhadap penglibatan Bumiputera dalam bidang ekonomi,jurang perbezaan ini akan

membesar. Jika keadaan ini terjadi perpaduan rakyat akan tergugat dan kucar-kacir akan berlaku. Untuk menjaga keharmonian hidup rakyat dan menentukan negara boleh hidup dengan aman damai, kerajaan terpaksa mencari jalan agar jurang perbezaan ini dapat diperkecilkan sehingga matlamat dasar ekonomi baru tercapai

Dalam buku karangan Mokhtar Petah (1992) antara kata-kata menarik selepas setahu menjawat jawatan Perdana Menteri ialah “kita mesti ada sikap ingin mencapai sesuatu yang lebih baik (sense of accomplishment) Sebagai suatu bangsa ,kita mahu berdiri sama tinggi ,duduk sama rendah dengan orang lain supaya kita tidak merasa terhina.

Antara Kepentingan Melayu dan Kepentingan Nasional

Kemunculan Dr Mahathir dalam arena politik sebenarnya banyak mengundang keresahan khususnya dikalangan orang China. Sikapnya yang dianggap sebagai “Malay Ultra” menimbulkan perasaan keresahan dikalangan orang bukan Melayu, takut sekiranya Mahathir memperkenalkan polisi yang terlalu kemelayuan hingga menyekat kebebasan berekonomi dan berpolitik masyarakat bukan Melayu. The Guardian lidah resmi MCA menyebut pemilihan Dr Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri baru telah menimbulkan sedikit tandatanya. ”The Guardian” merasa bimbang dengan perjuangan politik Mahathir kerana mungkin merugikan kehidupan bangsa mereka. Sikap prihatin Mahathir terhadap orang Melayu seperti yang telah dijelaskan tadi lebih memuncak berikutan kemasukan Singapura kedalam gagasan Malaysia serta kegagalan kerajaan yang memerintah untuk menbendung peristiwa 13 Mei 1969 Kemasukan Singapura khususnya dalam gagasan Malaysia pada tahun 1963 telah mencorakkan suasana berpolitik baru dalam gagasan Malaysia. Cara berpolitik Lee Kuen Yew selepas Singapura menyertai Malaysia pada tahun 1963 amat menghiris hati orang Melayu. Slogan “Malaysia for Malaysian” diikuti tindak-tanduk serta ucapannya mencerminkan sikapnya sebagai tidak dapat menerima pemerintahan Melayu. Lee Kuen Yew berpandangan tidak ada mana-mana kaum terbesar di Malaysia ,Cina,Melayu dan India boleh mendakwa sebagai penduduk yang lebih asal dari yang lain. Kenyataan-kenyataan Lee Kuen Yew telah mendapat tindakbalas dari Mahathir . Dalam ucapannya di Parlimen Mahathir pada masa itu telah berkata

mereka tidak biasa dengan pemerintahan Melayu dan amat tertekan dengan pemikiran bahawa orang yang selama ini berada dibawah telapak kaki mereka sekarang memerintah mereka.

Mahathir melihat segala bentuk penghinaan Singapura itu sebagai suatu cabaran yang mesti dijawab oleh pemerintah Malaysia dengan tindakan persaingan pembangunan ekonomi secara professional,cekap dan sihat (Zainuddin Mydin 2004). Disamping itu juga peristiwa 13 Mei 1969 juga mendedahkan kepincangan sebenar orang Melayu khususnya terhadap penguasaan dalam bidang

ekonomi. Sesuatu perlu dilakukan. Buku Malay Dilema yang ditulis beliau adalah kritikan paling keras yang telah ditulis oleh beliau yang berpendapat bahawa kerajaan harus membuat dasar yang boleh melindungi dan membantu orang Melayu untuk memperbaiki sosioekonomi mereka. Penerimaan semula dalam UMNO adalah episod baru baginya. Kerjaya politik Mahathir sampai kemuncak pada Julai 1981 apabila beliau dilantik sebagai Perdana Menteri yang keempat selepas pengunduran Tun Husain Onn atas faktor kesihatan. Tugas pertama beliau ialah mencari jalan meningkat dan memantapkan perkhidmatan kerajaan namun cabaran terbesar beliau selepas menjadi Perdana Menteri adalah antara hasrat untuk melindungi kepentingan orang Melayu dan kepentingan Nasional. Setelah menjadi Perdana Menteri Mahathir masih tetap memperjuangkan hak golongan Melayu untuk terlibat dalam perniagaan. Ini bersesuaian dengan janji beliau ketika menerima jawatan Perdana Menteri pada 16 Julai 1981 (Jamie Hamil 2004)

Tugas saya yang paling penting adalah untuk menyambung tugas menjadikan kita sebagai satu bangsa yang dihormati kerana kemajuannya dan kita, orang Melayu dihormati kerana kekuatannya.

Langkah beliau bersesuaian dengan falsafah pembentukan Dasar Ekonomi Baru. Peranan Mahathir dalam menjaga kepentingan Melayu kemudiannya diteruskan lagi dengan pelancaran beberapa dasar kerajaan yang mempunyai kepentingan atas nama DEB seperti Dasar Pandang ke Timur, Dasar Persyarikatan Malaysia, Dasar Pengswastaan dan Rangka Rancangan Kedua, Dasar Pembangunan Nasional. Setelah hampir 21 menjadi Perdana Menteri beliau tetap gigih memperjuangkan kepentingan ekonomi orang Melayu tanpa mengabaikan kemakmuran bukan Melayu.

Pencapaian DEB Dalam Membangunkan Masyarakat Bumiputera

i.) Pembasmian Kemiskinan

Dalam memastikan matlamat untuk menghapuskan kemiskinan tercapai strategi ditumpukan untuk menghapuskan kemiskinan di kawasan luar bandar dan kawasan bandar. Dari bancian penduduk 1970, telah didapati bahawa kira-kira 49.3 % dari semua keluarga miskin di Malaysia telah menerima pendapatan di bawah garis kemiskinan (1970 pendapatan garis kemiskinan RM200) dan kira-kira 86 % daripada jumlah itu berada di kawasan luar bandar. Bagi mencapai matlamat tersebut kerajaan telah melaksanakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan awam melalui kemudahan mendapatkan pendidikan, kemudahan kesihatan, bekalan air dan elektrik. Disamping itu keutamaan juga diberikan kepada golongan miskin untuk mendapatkan bantuan seperti program bantuan subsidi baja, biasiswa pelajaran dan buku teks, makanan tambahan kepada kanak-kanak serta program rumah murah menjelang kepada tarikh akhir pelaksanaan DEB matlamat untuk membasmi kemiskinan telah mencapai sasaran. Laporan

Rancangan Malaysia Keenam telah menunjukkan bahawa kadar kemiskinan negara pada tahun 1990 ialah 17.1 % berbanding dengan 49.3 % pada tahun 1970. Berdasarkan kepada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000 kadar kemiskinan rakyat Malaysia berkurangan daripada 8.9 % pada 1995 kepada 6.1 peratus pada 1997 tetapi meningkat 7.0 % pada tahun 1988 akibat kegawatan ekonomi. Namun secara keseluruhan kadar kemiskinan telah dikurangkan kepada 5.1 pada tahun 2002 (Mahathir Mohamad KSPRM8)

ii.) Matlamat Pemilikan 30 % Modal Oleh Masyarakat Bumiputera

Matlamat ini telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua yang telah menjelaskan bahawa menjelang tahun 1990 mereka akan menguasai sekurang-sekurangnya 30% daripada kegiatan perdagangan dan perusahaan. Walau bagaimana pun menjelang akhir tahun 1990, hanya 19.2 % daripada modal tersebut dimiliki oleh Bumiputera dan nilai tersebut terus merosot kepada hanya 18.2 % menjelang tahun 1992 sepertimana yang dilaporkan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Keenam. Apa yang lebih signifikan lagi ialah pemilikan tersebut bukanlah dimiliki oleh keseluruhan individu Bumiputera tetapi lebih tertumpu kepada beberapa agensi amanah yang ditubuhkan untuk memiliki saham-saham tertentu yang disebut harga di pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur dan juga saham-saham yang tidak disenaraikan di BSKL. Namun secara keseluruhan pemilikan kekayaan negara bagi orang Melayu telah meningkat kepada 18.7 % (RM 73,162 juta) pada tahun 2002 berbanding hanya 2.4% (RM 126juta) iaitu kenaikan sebanyak 581 kali ganda.

iii.) Golongan Profesional Bumiputera

Menyedari hakikat bahawa pembangunan dan penghasilan gunatenaga manusia yang terlatih dan berupaya menyumbang kepada pembangunan negara, kerajaan telah berusaha untuk menambahkan peluang pendidikan kepada masyarakat Bumiputera. Sepertimana yang telah disasarkan dalam matlamat serampang dua mata DEB , usaha menyusun semula bertujuan untuk menghapuskan pengenalan pekerjaan berdasarkan kelompok kaum-kaum tertentu. Bagi mencapai maksud ini kerajaan telah memperhebatkan usaha untuk memastikan lebih ramai masyarakat Bumiputera yang berpeluang untuk mendapatkan peluang pendidikan diperingkat yang lebih tinggi. Perangkaan yang dikeluarkan dalam Rancangan Malaysia Ke 7 telah mendapati bahawa penghasilan golongan profesional Bumiputera dalam bidang-bidang masih jauh rendah dari matlamat yang telah disasarkan. Walaupun didalam pelaksanaan DEB tidak digariskan dengan terperinci bilangan usahawan Bumiputera yang hendak dihasilkan namun strategi kerajaan ialah untuk menambahkan bilangan gunatenaga Bumiputera dalam bidang profesional, meningkatkan penguasaan Bumiputera dalam pemegangan ekuiti serta mendorong pembabitan Bumiputera secara aktif dalam sektor perniagaan dan perdagangan dan seterusnya melalui kaedah ini diharapkan pada suatu masa nanti masyarakat Bumiputera akan mampu untuk berdikari dan seterusnya melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Berdasarkan dari data-data yang dikumpulkan,

terdapat beberapa peningkatan yang ditunjukkan oleh masyarakat Bumiputera dalam beberapa bidang seperti pemilikan ekuiti, pembabitan aktif Bumiputera dalam sektor korporat, pertambahan bilangan Bumiputera dalam bidang pendidikan tinggi, pertambahan gunatenaga Bumiputera dalam bidang iktisas dan profesional serta perubahan sikap Bumiputera terhadap bidang keusahawanan. Namun begitu secara keseluruhan bagi lapan pekerjaan professional nisbah bilangan Bumiputera yang berdaftar telah meningkat daripada 35.5 % kepada 37.2 % pada tahun 2002

Secara keseluruhannya DEB telah berjaya membawa perubahan dalam tempoh 20 tahun. Ia dilaksanakan khususnya dalam mencapai matlamat untuk membasmi kemiskinan. Namun begitu dalam usaha untuk menyusun semula gunatenaga ianya perlu diperhebatkan lagi kerana matlamat yang ditetapkan tidak tercapai sepenuhnya. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, kerajaan kemudiannya telah membentuk Dasar Pembangunan Nasional yang merupakan kesinambungan dari DEB.

Dasar Buy British Last

Kira-kira enam bulan selepas menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir telah mengeluarkan arahan kepada agensi kerajaan supaya jangan memberi layanan istimewa kepada syarikat-syarikat British dalam mendapatkan kontrak untuk (Chamil Wariya 1989) membeli barangan atau perkhidmatan. Pelbagai analisis dibuat disebalik tindakan ini. Ada yang berpandangan bahawa Dr Mahathir adalah seorang yang anti British dan ada juga yang berpandangan bahawa Dr Mahathir tidak mempunyai ikatan sentimen berbanding dengan tiga Perdana Menteri terdahulu. Apa rasionalnya dasar ini. Menurut Dr Mahathir apa yang penting dasar ini diambil berpunca dari sikap London yang memandang rendah terhadap Malaysia. Selain itu Dr Mahathir juga tersinggung kerana peniaga British tidak sensitive terhadap DEB yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi. Pada masa yang sama laporan negatif media British yang menggambarkan Malaysia sebagai negara yang menindas golongan minoriti Cina dan India turut tidak disenangi oleh Dr Mahathir. Apa yang jelas sikap penting yang tersirat yang ingin dicapai oleh Mahathir dalam pelaksanaan kedua-dua dasar diatas terhadap jiwa orang Melayu ialah membebaskan diri mereka dari mentaliti rakyat yang dijajah. Beliau berusaha mendidik orang Melayu agar berani berhadapan dengan sesiapa sahaja. Setelah sikap dan keyakinan itu ditanam dan kemampuan kewangan Malaysia mula menunjukkan pengukuhan pada 10 tahun terakhir abad ke 20 barulah Malaysia barulah Malaysia berjaya mewujudkan pelbagai insituti yang menjadi tunjang kepada pembangunan teknologi maklumat bagi menghadapi alaf baru. (Khairul Azmi Mohamad, A F Yassin 2000)

Dasar Pandang KeTimur

Kejayaan Jepun dan Korea dalam penguasaan ekonomi dunia yang didorong oleh sikap rajin bekerja serta sistem nilai masyarakat yang dipegang oleh kedua-dua negara adalah asas kepada matlamat pelaksanaan dasar ini. Apakah rasional dasar ini kepada orang Melayu. Tanpa menolak andaian bahawa orang Melayu akan terus tertinggal sekiranya sikap dan pegangan hidup yang negatif masih diamalkan dalam kehidupan mereka Dr Mahathir percaya bahawa kejayaan hanya akan dicapai sekiranya orang Melayu mengubah sikap mereka terhadap pekerjaan. Beliau berpandangan bahawa orang Melayu akan lebih berjaya sekiranya mereka mencontohi nilai-nilai baik yang menjadi pegangan hidup orang Jepun dan Korea. Penekanan kepada nilai-nilai baik seperti yang terkandung dalam nilai-nilai pengurusan yang diterjemahkan ke dalam alam pekerjaan seperti kerja berpasukan, amalan kualiti menyeluruh, Kaizen, kesetiaan kepada negara berupaya untuk membantu orang Melayu kearah pencapaian taraf kehidupan yang lebih baik.

Dasar Pengswastaan

Berdasarkan kepada laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam, penswastaan dianggap sebagai penyambung kepada DEB dan dilakukan dengan tujuan untuk memindahkan 30 % saham pemilikan korporat kepada Bumiputra. Penubuhan Amanah Saham Nasional dan Permodalan Nasional Berhad pada 1981 memberikan petunjuk bagaimana penswastaan di akan dilakukan sejajar dengan DEB . Seajar dengan hasrat untuk mempercepatkan pencapaian DEB kerajaan telah menggunakan dasar pengswastaan sebagai wahana untuk membolehkan penglibatan aktif masyarakat Bumiputera dalam sektor korporat. Tidak kira apa bentuk penswastaan yang dijalankan kerajaan telah menetapkan syarat penglibatan minimum ekuiti Bumiputera sebanyak 30 peratus dalam semua entiti yang diswastakan. Pemilikan ekuiti Bumiputera juga meningkat dalam sektor korporat dengan pengapungan 24 syarikat kerajaan yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Jumlah ekuiti Bumiputera dalam syarikat tersebut pada Disember 1994 bernilai RM 2.2 bilion yang merupakan 19.6 % daripada keseluruhan ekuiti, sementara sebanyak RM1.6 bilion atau 14.7 % dimiliki oleh bukan Bumiputera dan RM 5.5 atau 50.2 % atau 50.2 %. Tanpa mahu mempertikaikan kemujaraban dasar penswastaan sebagai pemacu penting dalam membangunkan masyarakat Bumiputera, terdapat beberapa isu penting yang perlu ditangani dengan penuh hikmah dan berhati-hati. Antaranya ialah

A. Isu Penjualan saham Bumiputera

Kejatuhan mendadak harga saham di pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur telah memberi kesan kepada perniagaan masyarakat Bumiputera terutama industri berasaskan tempatan dan industri yang melibatkan bahan import yang tinggi. Keadaan ini diburukkan lagi dengan peningkatan dalam kadar faedah pinjaman

disamping tuntutan kredit yang sudah tentu akan memaksa pengusaha Bumiputera untuk melepaskan pegangan dalam pemilikan saham sesuatu syarikat. Bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh pengusaha Bumiputera yang terbabit kerajaan telah bersetuju untuk membenarkan penjualan semula saham Bumiputera kepada bukan Bumiputera. Dalam keadaan tersepit dan tiada pilihan ini pengusaha Bumiputera terpaksa membuat pilihan samada untuk menjual saham kepada bukan Bumiputera atau menghadapi risiko diistiharkan muflis. Persoalan yang ingin dibangkitkan disini ialah berhubung dengan penjualan tersebut. Penjualan bererti melepaskan syarikat atau ekuiti kepada orang lain dan pembelian semula sudah tentu melibatkan biaya kewangan yang amat besar. Penjualan juga bererti matlamat kerajaan untuk melihat penguasaan masyarakat Bumiputera tidak akan kesampaian. Berhubung dengan isu penjualan semula saya ingin menyarankan agar:

- i. Penjualan hanya dibenarkan oleh individu/syarikat Bumiputera kepada Badan-badan Amanah seperti KWSP, PNB mahupun PNB dalam kuantiti yang tertentu

Penjualan ini juga tidak boleh bersifat untuk melepaskan beban individu/syarikat Bumiputera kepada badan-badan amanah. Kita tidak mahu penjualan ini hanya bersifat sementara dan apabila individu yang sama sudah bebas dari beban kemuflian saham-saham itu akan dipulangkan dengan harga asal sewaktu penjualan tadi. Ini tidak akan membantu individu/syarikat Bumiputera dalam memperlengkapkan diri dengan selok-belok perniagaan.

- ii. Penstrukturan semula syarikat

Di Malaysia pengstrukturan semua syarikat seringkali dilihat sebagai perubahan struktur operasi syarikat semata-mata tanpa melibatkan pertukaran kepimpinan syarikat. Dikhuatiri polisi ini hanya melemahkan syarikat semata-mata kerana tanpa perubahan individu yang berada dalam syarikat tersebut kemungkinan hala tuju syarikat masih lagi sama

B. Penguasaan saham oleh sekelompok individu

Persoalan samada benar wujud unsur nipotisme atau cronisme dalam pemberian saham atau projek penswastaan merupakan satu isu besar yang perlu dibahaskan secara terbuka bagi mendapatkan satu penjelasan yang tepat. Isu menarik ialah berhubung istilah nipotisme itu atau cronisme itu sendiri. Pemberian sesuatu kontrak atau projek kepada individu atau syarikat yang berkemampuan serta dikenalpasti berpotensi untuk melaksanakan tanggungjawab yang diberikan adalah amat dialukan. Ini perlu bagi memastikan projek tersebut dapat disiapkan dalam tempoh masa yang tertentu.

Isu berbangkit disini ialah

- i. Adakah ianya dianggap sebagai sebagai suatu bentuk nipotisme atau kronisme sekiranya secara kebetulan ianya mempunyai perhubungan dengan pengurnia projek atau kontrak tertentu.
- ii. Sesuatu yang lebih adil sekiranya projek tertentu dapat diagihkan secara saksama tanpa hanya individu tertentu yang membolot kekayaan tersebut secara bersendirian

Dasar Persyarikatan Malaysia

Kejayaan dasar Sogoshosa yang dipraktikkan oleh Jepun telah menjadi inspirasi Dr Mahathir dalam usaha mewujudkan suatu bentuk perkongsian pintar antara kerajaan dan organisasi perniagaan. Saling bergantung kedua-dua pihak memerlukan suatu corak perhubungan win-win yang akan menguntungkan kedua-dua pihak. Organisasi perniagaan selain bergantung kepada kontrak kerajaan turut menjadi penyumbang utama terhadap hasil kutipan cukai kerajaan. Ini bermakna sekiranya pendapatan organisasi perniagaan merosot kerajaan juga akan kekurangan punca pendapatan. Persoalannya apakah rasionalnya Dasar ini kepada orang Melayu. Antara cabaran utama organisasi perniagaan milik orang Melayu untuk berjaya dalam perniagaan ialah kekurangan modal serta kurang pengalaman dalam pengendalian projek-projek besar. Kelemahan ini sedikit sebanyak akan menyekat peluang untuk merebut peluang perniagaan diperingkat antarabangsa. Dengan wujudnya perkongsian pintar antara kerajaan dengan organisasi perniagaan ini akan membantu mereka untuk membina reputasi, menimba pengalaman seterusnya membuka ruang kepada organisasi ini untuk merebut peluang perniagaan di peringkat antarabangsa. Imej baik dan kebolehan Dr Mahathir diperingkat antarabangsa berupaya untuk mewujudkan dengan jalinan kerjasama dengan banyak negara khususnya dengan negara sedang membangun. Hubungan baik antara kerajaan dengan kerajaan (G to G) akan membantu organisasi perniagaan milik orang Melayu untuk memperolehi peluang perniagaan. Disamping itu bagi organisasi yang baru bertatih dalam dunia perniagaan “jaminan kerajaan” ini akan membantu mereka untuk mendapatkan kontrak-kontrak tertentu dalam membekalkan barangan komponen barangan serta perkhidmatan kepada syarikat multinasional. Ini terbukti misalnya dalam program pembangunan vendor dimana 209 syarikat Bumiputera telah berjaya dibangunkan untuk membekalkan komponen kepada syarikat swasta manakala 198 syarikat Bumiputera terpilih untuk membekalkan perkhidmatan kepada syarikat milik kerajaan (RM8)

CABARAN ORANG MELAYU

Kesan Globalisasi

Arus globalisasi yang telah merentasi sempadan geografi dan batasan budaya sesebuah negara perlu difahami oleh masyarakat sesebuah negara. Tindakan pemencilan dan amalan isolasi yang diamalkan hanya akan meminggirkan negara dari arus kemajuan dunia. Dasar buka pintu pula akan mengundang pelbagai kemungkinan dan sekiranya sesebuah negara gagal menangani secara berkesan ianya hanya akan mengundang lebih banyak padah. Dasar liberalisasi dan amalan perdagangan bebas yang diamalkan oleh negara juga mengundang pelbagai implikasi terhadap masa depan ekonomi negara. Berdasarkan kepada ketetapan yang terkandung dalam World Trade Organization (WTO) dasar perlindungan yang diamalkan oleh sesebuah negara perlu dihapuskan. Ini bermakna dasar perlindungan berbentuk cukai, tarif mahupun sekatan perdagangan perlu diketepikan dan industri-industri tempatan perlu bersaing dengan industri-industri yang telah lama bertapak. Ini bermakna industri tempatan khususnya industri yang diterajui oleh usahawan Bumiputera perlu memperlengkapkan diri bagi menempuhi dunia persaingan yang lebih mencabar. Persoalan yang timbul ialah berhubung dengan tahap kemampuan dan keupayaan industri milik Bumiputera untuk merebut peluang dalam persaingan baru ini. Tanpa berniat untuk memperkecilkan usahawan Bumiputera kita boleh membayangkan kemampuan mereka. Jika sebelum ini sebahagian mereka yang mendapat sokongan dan segala bentuk bantuan serta perlindungan dan mengharapkan kontrak dan kurnia dari kerajaan tetapi masih gagal mempamerkan prestasi yang berkesan kita barangkali boleh meramalkan peratus kejayaan mereka apabila dilepaskan untuk bertarung dalam pasaran terbuka. Mentaliti dan bentuk pergantungan yang tinggi terhadap bantuan kerajaan perlu dikikis dari minda usahawan Bumiputera. Bumiputera perlu mengekplotasi arus globalisasi dan kemajuan dalam industri teknologi maklumat untuk meningkatkan kemampuan pemasaran dan mewujudkan jalinan perniagaan dengan rakan-rakan niaga diseluruh pelosok dunia. Pergantungan terhadap segmen pasaran tempatan perlu dikurangkan dan mereka seharusnya mula mencari pasaran-pasaran baru di seluruh dunia. Perkongsian pintar dengan rakan-rakan niaga di pelbagai negara di dunia perlu diperhebatkan bagi memastikan mereka dapat merebut segenap peluang tanpa perlu mengharapkan ke pasaran tempatan yang kerap dipengaruhi oleh naik-turun dalam keadaan ekonomi. Arus globalisasi sepatutnya membuka minda masyarakat Bumiputera untuk mempelbagaikan produk dan perkhidmatan dan mewujudkan rangkaian perniagaan di seluruh pelosok dunia.

Memperlengkapkan Diri Dengan Kekuatan Moral Dan Nilai Agama

Sejarah menjadi saksi bahawa kejatuhan mana-mana tamadun besar di dunia berlaku kerana kegagalan untuk mempertahankan nilai moral dan kerakusan masyarakat untuk mengikis etika mulia yang selama ini dipegang. Tanda awal kejatuhan suatu tamadun manusia ialah kerana masyarakatnya mulai mabuk

dengan dunia materilisitik dan mencabut akar moral yang selama ini menjadi tunjang kekuatannya. Seperti mana yang digagaskan dalam cabaran kesembilan Wawasan 2020 bahawa negara maju yang diimpikan nanti perlu dibina berdasarkan kepada pembangunan insan. Kita tidak mahu dalam usaha kita mewujudkan kekuatan dalam pembinaan sesebuah negara dengan membangunkan prasarana fizikal dan kebudayaan kebendaan tetapi pada masa yang sama kita bertindak untuk merobek amalan spritual dan nilai beragama dikalangan masyarakat. Kita tidak mengharapkan untuk memperolehi air yang jernih dan bebas dari pencemaran selagi kita masih membuat keroh di hulu sungai.

Dasar Meliberalisasikan Sistem Pendidikan dan pelaksanaan amalan meritokrasi

Dalam usaha membangunkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan kerajaan telah memperkenalkan beberapa pendekatan berani dalam mempercepatkan pencapaian matlamat tersebut. Berikutan dengan kelulusan yang diberikan oleh Parlimen berhubung Akta Pendidikan Tinggi 1996 industri pendidikan khususnya pendidkan swasta telah memperlihatkan pertambahan bilangan Insitut Pengajian Tinggi Swasta dari 337 buah kepada 564 pada tahun 1999 (Berita Harian 19 Mac 1999). Pertambahan bilangan IPTS yang berdaftar ini bererti pertambahan tempat untuk lepasan sekolah untuk menyambung pengajian mereka. Pada masa yang sama dalam usaha menggalakkan masyarakat Melayu lebih berdikari pemilihan pelajar memasuki IPTA telah menggunakan amalan meritokrasi. Rasionalnya Dr Mahathir beranggapan bahawa dasar kuota yang diamalkan sebelum ini menyebabkan orang Melayu berasa selesa kerana beranggapan bahawa tempat mereka untuk IPTA telah terjamin. Namun pelaksanaan dasar ini perlu dilaksanakan dengan lebih teliti bagi menjamin orang Melayu akhirnya tidak mengalami kerugian. Disamping itu usaha perlu dilaksanakan agar bilangan orang Melayu di IPTS adalah mencerminkan komposisi sebenar penduduk Negara ini

Pembudayaan Nilai-Nilai Keusahawanan

Usaha yang dijalankan oleh KPUK untuk membudayakan nilai-nilai keusahawanan ini patut diberikan pujian kerana dengan memupuk semangat usahawan dari pereingkat remaja ini diharapkan dapat memberikan memontem yang kuat kepada golongan bumiputera untuk menceburi bidang perniagaan pada suatu masa nanti. Namun begitu sekiranya dikaji kepada bilangan yang menyertainya dengan populasi masyarakat bumiputera seluruh Malaysia bilangan adalah terlalu kecil. Berdasarkan data yang diberikan, umpamanya dari tahun 1989 sehingga 1997 hanya 14,870 pelajar dari sekolah tertentu sahaja yang mengikutinya. Daripada yang menyertainya juga belum tentu akan terlibat dalam sektor perniagaan apabila dewasa nanti.

Usaha seperti itu sepatutnya dibuat dengan lebih menyeluruh seperti memasukkan mata pelajaran keusahawanan atau perniagaan kepada para pelajar di seluruh negara. Usaha ini boleh dilaksanakan melalui Kementerian Pendidikan. Buat masa ini satu mata pelajaran perniagaan telah diperkenalkan di peringkat sekolah namun ia hanya untuk para pelajar diperingkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia sahaja. Sepatutnya ia boleh dilaksanakan diperingkat tingkatan empat dan lima lagi dan kalau boleh lebih baik diperingkat tingkatan satu lagi . Ini adalah kerana bilangan pelajar diperingkat tersebut adalah ramai dan menyeluruh di semua tempat. Sekiranya meklumat perniagaan ini didedahkan kepada para pelajar sejak diperingkat bawah lagi dengan bilangan yang ramai maka diharapkan ini akan memberikan kesan yang lebih tinggi dalam usaha kerajaan untuk meramaikan generasi usahawan dikalangan masyarakat bumiputera.

atu perkara lagi yang patut diambil berat oleh KPUn ialah kesinambungan program. KPUn sepatutnya mewujudkan satu mekanisme khas yang boleh memantau semua pelajar yang terlibat mengenai kesinambungan program tersebut. Kemana akhirnya peserta tersebut meneruskan pengajian dan memilih kerjaya mereka. Peserta sepatutnya terus diajar dan didorong untuk menceburi bidang keusahawanan kecuali yang boleh berjaya dibidang yang lain. Sekiranya program pemantauan seperti ini tidak dijalankan maka dikhuatiri hasrat asal program seperti ini akan terbengkalai begitu sahaja. Dari segi menjalankan program mungkin dianggap berjaya namun dari segi hasrat asal atau tujuan utama program tersebut bagaimana ? mungkin berjaya dan mungkin tidak akan berjaya. Agak lebih senang mengumpulkan pelajar dan memberikan mereka kursus demi kursus tetapi sebenarnya agak susah untuk memastikan segala isi kursus tersebut dipraktik oleh mereka akhirnya . Sekiranya peratus pelajar yang terdidik itu akhirnya memceburi bidang perniagaan adalah kecil maka ia dianggap gagal kerana tidak menepati hasrat asalnya ingin membina masyarakat usahawan dikalangan bumiputera.

Peranan Jutawan Melayu

Masyarakat Bumiputera seharusnya perlu berbangga bahawa DEB yang dilaksanakan oleh kerajaan telah berjaya menghasilkan jutawan-jutawan Bumiputera seperti Tan Sri Tajuddin Ramli, Tan Sri Wan Hamzah, Tan Sri Rashid Hussain (pada masa masa dulu) dan puluhan tokoh jutawan Bumiputera (pada masa kini) Tan Sri Mustafa Kamal, Syed Bukhari yang bukan sahaja menempa nama diperingkat Malaysia malah turut terkenal diseluruh dunia. Sama seperti jutawan-jutawan Cina yang turut memperkembangkan empayar perniagaan mereka dan pada masa sama turut menyumbangkan tenaga untuk melahirkan ribuan usahawan baru kita juga amat berharap tokoh-tokoh Bumiputera dapat melibatkan diri dalam membangunkan jutawan-jutawan baru Bumiputera. Jutawan-jutawan Bumiputera ini perlu merintis jalan untuk bertindak sebagai pembimbing kepada usahawan Bumiputera yang baru

berjinak-jinak dalam bidang perniagaan. Bantuan seharusnya tidak terbatas kepada bantuan kewangan semata-mata tetapi boleh melibatkan unsur-unsur motivasi dan khidmat nasihat.

Berjaya/Gagal Mahathir

Persoalan samada Dr Mahathir berjaya atau tidak dalam perjuangannya boleh dinilai dalam bait-bait akhir puisinya

Perjuangan yang belum selesai

Tugas kita belum selesai
bagi memartabatkan dan memuliakan bangsa
kerana hanya bangsa yang berjaya
akan sentiasa dihormati

Rupanya masih jauh dan berliku jalan kita
bukan sekadar memerdeka dan mengisinya
tetapi mengangkat darjat dan kemuliaan
Buat selama-lamanya

Hari ini, jalan ini
sasti semakin berliku
kerana masa depan
belum tentu menjanjikan syurga
bagi mereka yang lemah dan kecewa

Perjuangan kita belum selesai
kerana hanya yang cekal dan tabah
dapat membina mercu tanda
bangsanya yang berjaya

PENUTUP

Walaupun Dr Mahathir telah berjaya merubah pola dan corak penglibatan masyarakat Bumiputera yang pada masa dahulu lebih dianggap sebagai golongan kelas bawahan melalui pelaksanaan DEB kepada golongan kelas pertengahan, bebas dari belenggu kemiskinan, menikmati tingkat pendapatan yang makin bertambah mewah tetapi usaha untuk membangunkan golongan masyarakat Bumiputera perlu diberikan penekanan dan diperhebatkan. Perubahan dalam arus pembangunan negara serta menghebatnya kesan globalisasi perlu diterima oleh masyarakat Bumiputera dengan pemikiran baru bagi memastikan kita tidak tenggelam. Umat Bumiputera di Malaysia seharusnya bersyukur kerana kita Bumiputera di Malaysia adalah antara umat-umat Bumiputera (peribumi atau

“native” yang masih dapat mempertahankan keperibadian dan maruah diri. Keperibadian bangsa Bumiputera di Malaysia tidak akan tercabut selagi mampu untuk terus mempertahankan kuasa politik yang kita miliki. Tetapi kita jangan lupa bahawa sedikit demi sedikit kuasa politik yang kita miliki kian hari kian terkakis akibat kealpaan kita sendiri. Bagi memastikan agar umat Bumiputera di Malaysia tidak sekadar menjadi bahan kajian sejarah pada suatu masa nanti kita perlu mempertahankan kuasa politik yang masih kita miliki untuk menebus maruah bangsa. Kita barangkali boleh kehilangan pemimpin yang kita kasihi, harta yang miliki, wasiat yang kita warisi, tetapi kita tidak mampu kehilangan kuasa yang masih kita naungi. Jika dibandingkan dengan peribumi lain samada disekitar Asia Tenggara mahupun didunia Bumiputera di Malaysia masih mampu bertahan. Sumbangan Dr Mahatir tidak seharusnya dinilai dalam bentuk angka semata-mata tetapi sumbangan terbesar Dr Mahathir ialah menyakinkan seluruh bangsa Melayu mengenai kemampuan mereka untuk melakukan apa sahaja yang diinginkan selaras dengan keupayaan dan potensi manusia itu sendiri. Malaysia Boleh dan Melayu Boleh

RUJUKAN

Chamhuri Siwar, Mohd Yusof Kassim, Abd Malik Ismail (1992) Ekonomi Bumiputera Selepas 1990. Penerbit UKM.

Chamil Wariya (1989) Dasar Luar Era Mahathir Fajar Bakti Sdn Bhd Kuala Lumpur.

Drs Rahmamat (1982). Benarkah Dr Mahathir Pembela Bangsa Melayu Golden Books Centre Kuala Lumpur.

Garis Panduan Mengenai Konsep Matlamat (1987) Dan Strategi Pembangunan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian MPPB. Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Bumiputera. Jabatan Perdana Menteri.

Jamie Hamil (2004) UMNO Dalam Politik dan Perniagaan Melayu Penerbit UKM

Just Faaland, Jack Parkinson, Rais Saniman (2002) Dasar Ekonomi Baru Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu .Penerbitan Spektra.

J. Victor Morais (1982) Mahathir Riwayat Gagah Berani. terjemahan Abd Razak Hj Abd Rahman Arenabuku Sdn Bhd Kuala Lumpur

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000. (1999) Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005. (2003) Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Khairul Azmi Mohamad, A F Yassin (2000) Insan Pejuang Bangsa Melayu Abad ke 20 Yayasan Warisan Johor .

Kecermerlangan di sebalik Perjuangan Yang Belum Selesai DR MAHATHIR The Glorious Years (1997). Kelab Cinta Malaysia.

Laporan Tahunan Kementerian Pembangunan Usahawan (1997).

Mahathir Mohamad. (1999) Kebangkitan Semula Asia. Pelandok Publication. Kuala Lumpur.

Mokhtar Petah (1982) Dr Mahathir dan Masa depan Negara. Penerbitan Tra-tra Subang Jaya Selangor.

Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (1988). Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Rancangan Malaysia Keenam.(1991) . Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri

Rancangan Malaysia Ketujuh (1996). Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri

Rancangan Malaysia Kelapan (2001). Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri

Sivamurugan Pandian (2004) .Mahathir Pemikir Budaya Melayu Baru dalam Pemikir April-Jun 2004.Kumpulan Utusan

Zahidi Dato Hj Zainol Rashid (2003) Mahathir Menjulangi Martabat Malaysia.Alf Promotion Kuala Lumpur.

Zainuddin Mydin (1994) Mahathir di sebalik Tabir.Utusan Publication and Distributor.Kuala Lumpur.

Zainuddin Mydin (2004) Wira Tak didendang.Utusan Publication and Distributor.Kuala Lumpur

Zakry Abadi (1992), Mahathir Dalam Dilemma Melayu .Gelanggang Publishing Kuala Lumpur

LAMPIRAN I

MALAYSIA:HAK MILIK DAN PENGUASAAN SEKTOR SYARIKAT 1970-1985

	1970		1975		1980		1985	
	Rm juta	%	Rm juta	%	Rm juta	%	Rm juta	%
Pemastautin Malaysia	1,921.1	36.7	7,047.2	46.7	18,493	57.1	56,701.5	7.45
Jumlah Bumiputera	125.6	2.4	1,394.0	9.2	4,050	12.1	13,546.9	17.8
Bumiputera Perseorangan2	84.4	1.6	549.8	3.6	1880.1	5.8	7,679.2	10.1
Agensi Amanah Bumiputera	41.2	0.8	844.2	5.6	2,170.4	6.7	5,867	7.7
Pemastautin Malaysia lain	1,826	34.3	5,653.2	44.6	14,442.9	44.6	43,154.6	56.7
Pemastautin Luar Malaysia	3,377.1	63.3	8,037	53.3	13,927.0	42.9	19,410	25.5
Jumlah	5,329.2	100.0	15,084.4	100	32,420.4	100	76,112.0	100

Sumber:RM 2,RM 3,RM 4 dan RM5

HAK MILIK MODAL SAHAM (PADA NILAI PAR) SYARIKAT BERHAD 1990-1992

Kumpulan (1991-192) Hak milik	1990	%	1992	%	Purata pertumbuhan tahunan (%)
Bumiputera	20,877.5	19.2	23,730	18.2	6.6
Individu dan Institusi Bumiputera (1)	15,322.0	14.1	20,778	15.9	16.5
Agensi amanah (2)	5,555.5	5.1	2,952.3	2.3	-27.1
Bukan Bumiputera	50,754.0	46.8	52,331.3	40.0	1.5
Cina	49,296.5	45.5	49,484.0	37.8	0.2
India	1,068	1.0	1,391.5	1.1	14.1
Lain-lain	389.5	0.3	1,455.8	1.1	93.3
Rakyat asing	27,525.5	25.4	42,374.1	32.4	24.1
Syarikat Nomini	9,220.4	8.5	12,473.8	9.5	16.3
Jumlah	108,377.4	100.0	130,909.8	100.0	9.9

Sumber:kajian Semula RM6

KUMPULAN HAK MILIK MODAL SAHAM (PADA NILAI PAR) SYARIKAT BERHAD
1995-1998 (RM JUTA)

Kumpulan (1991-1992) Hak milik	1995	%	1998	%	Purata pertumbuhan tahunan (%)
Bumiputera	36,981.2	20.6	57,240.9	19.4	15.6
Individu dan Institusi Bumiputera	33,353.2	18.6	52,044.5	17.7	16.0
Agensi amanah	3,628.0	2.0	5,196.4	1.7	12.7
Bukan Bumiputera	78,026.9	43.4	120,985.4	41.1	15.7
Cina	73,552.7	40.9	113,542.5	38.5	15.5
India	2,732.1	1.5	4,599.7	1.5	19.1
Lain-lain	1,751.1	1.0	2,843.2	1.0	17.5
Rakyat asing	49,729.7	27.7	93,667.1	31.8	23.4
Syarikat Nomini	14,991.4	8.3	22,682.3	7.7	14.8

Sumber: Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000

LAMPIRAN II

AHLI-AHLI PROFESIONAL BERDAFTAR MENGIKUT KUMPULAN ETHNIK 1995

pertumbuhan tahunan purata (1991-1995)										Kadar
Profesion	Jumlah	Bumiputera (%)	(%) Bumiputera	Cina (%)	(%) Cina	India (%)	(%) India	Lain-lain (%)	(%) Lain-lain	Jumlah
Akauntan	1422	16.1	6655	75.2	692	7.9	75	0.8	8844	
	100	17.8	8.0	14.9	-0.5	9.7				
Arkitek	368	27.6	943	70.7	20	1.5	3	0.2		
	1334	100	9.8	5.3	10.8	-17.8	6.4			
Doktor	3212	33.4	3086	32.1	3069	32.0	241	2.5		
	9608	100	10.5	4.9	5.0	2.2	6.5			
Doktor Gigi	577	30.9	854	45.7	409	21.9	29	1.5		
	1869	100	7.3	0.2	0.6	6.7	2.3			
Doktor Veterinar	310	40.2	183	23.7	259	33.5	20	2.6		
	772	100	5.1	2.7	0.7	-2.8	2.7			
Jurutera	10415	38.1	15091	55.2	1416	5.2	427	1.5		
	27349	100	8.2	5.1	5.9	4.5	6.3			
Juru Ukur	1309	48.3	1235	45.6	86	3.2	79	2.9		
	2709	100	18.0	14.2	12.4	14.9	16.1			
Peguam	1731	29.0	2589	43.3	1591	26.6	65	1.1		
	5976	100	19.7	10.5	13.7	11.9	13.6			
Jumlah	19344	33.1	30636	52.4	7542	12.9	939	1.6		
	58461	100	10.5	6.2	7.1	4.6	7.6			

Rancangan Malaysia Ketujuh